

BAB LIMA

PENUTUP

## SAB KELINA

## PENUTUP

## KESIMPULAN

Secara umumnya penulis dapat membuat beberapa kesimpulan mengenai tajuk kajian ini berdasarkan hasil pembacaan dan kajian yang telah dijalankan. Di antara perkara utama yang dapat ditemui penulis bahawa perceraian bukan sahaja memberi kesan yang negatif tetapi juga kesan yang positif walaupun hanya sedikit sahaja akan dialami oleh pihak suami, isteri, anak-anak dan makhluk yang terlibat serta negara seterusnya.

Penulis juga mendapati bahawa jenis perceraian yang biasa dilakukan di Daerah Klang adalah seperti yang diperuntukkan di dalam EURI Selangor iaitu talāq, perceraian secara thabit ta'liq, khul' atau talāq dan fasakh.

Selain dari itu penulis juga mendapati bahawa peruntukan-peruntukan di dalam EURI Selangor sudah mencukupi mengenai peraturan-perceraiannya dan yang berkaitan dengannya hanya di segi perlakuaninya ia belum lagi dapat menepati peraturan. Sebagai contoh perkara kawasa Pendamai tidak dianggotai oleh mereka yang disebutkan dalam sekyen 47 kerana di dalam amalannya ia hanya dijalankan hadapan seorang Pegawai Kebajikan Wanita dan sekiranya tidak dapat diselesaikan barulah dibawa ke hadapan qādi dan di sini lah

perkata Hakam akan dilaksanakan. Sedangkan di dalam peruntukan ditetapkan bahawa seorang wakil dari pihak suami dan seorang dari pihak isteri hendaklah dipanggil semasa peringkat Jawatua Pendamai lagi. Ini adalah untuk memberi kekesanannya kepada masalah rumah tangga yang tidak aduk.

Satu lagi kesimpulan yang dapat dibuat bahawa perceraian di antara orang Melayu adalah lebih ramai jika dibandingkan dengan perceraian yang berlaku di kalangan orang Islam yang bukan Melayu.

Hal ini bukan satu yang menghairankan kerana bilangan mereka yang memeluk Islam juga tidak ramai hanya sekitar 35 orang setahun. Bilangan orang Melayu adalah lebih kurang seramai 100,000

Manakala punca utama perceraian ialah ketidaksefahaman di antara pasangan suami isteri dan pihak-pihak yang berkaitan dengan perkara. Walaupun begitu perkara ini adalah berpunca dari faktor-faktor yang lain pula. Di antaranya ketidakfahaman mereka tentang tanggungjawab sebagai suami isteri, kurangnya toleransi antara mereka, campurtangan orang luar dalam hal-hal rumah tangga dan kekurangnya keyakinan, kejujuran dan keikhlasan dalam kehidupan mereka.

Akhirnya sebagai kesimpulan terakhir penulis menganggap bahawa masalah perceraian di kalangan umat Islam di Daerah Klang tidak

menjadi satu masalah yang serius sekiranya semua pihak mengambil inisiatif untuk mengurangkannya dari berlaku.

### Baruanan-Saranan

Islam telah memperuntukkan prinsip-prinsip tertentu untuk mengatasi masalah perceraian seperti yang telah ditunjukkan oleh ayat dalam al-Qur'an dan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam sunnahnya. Hanya perkara itu perlu disesuaikan di segi pentadbirannya mengikut keadaan semasa.

Sebagai penutup kepada kajian ini penulis akan memperturunkan beberapa saranan untuk mengurangkan tahap perceraian di kalangan umat Islam di Selangor khasnya dan di Malaysia amnya.

Segala saranan-saranan ini adalah dibuat berdasarkan pengamatan yang telah dilakukan terhadap kes-kes yang berlaku dan juga dilaksanaan peraturan-peraturan berkaitan dengan perceraian khasnya. Ia ditujukan kepada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan dengan pengendalian perkahwinan dan perceraian, pasangan suami isteri dan anak-anak mereka.

1. Cara mengatasi yang paling berkesan ialah merujuk kepada ajaran Islam. Tiap-tiap masalah ada penyelesaiannya dengan syarat masing-masing kembali kepada Allah.

2. Suami isteri perlu tegar di dalam menjalani kehidupan berrumah tangga. Jangan biarkan orang lain mencampuri hal-hal rumah tangga mereka dan kalau perlu bantuan hendaklah dari orang yang benar-benar pakar dan memahami urusan rumah tangga.
3. Kedua pasangan hendaklah mengetahui tujuan sebenar perkahwinan bukan setakat hendak hidup mewah, hawa nafsu dan kecantikan semata-mata.
4. Kedua-dua pihak hendaklah berpandangan lebih dewasa dan positif dengan memikir dan memastikan sesuatu reaksi negatif pihak yang lain sebelum mengambil sesuatu tindakan.
5. Tanamkan keyakinan, kejujuran, keikhlasan dan kasih sayang hanya kerana Allah dalam diri masing-masing.
6. Menjaga adab-adab yang ditentuan di dalam Islam sebelum berkahwin seperti dalam masa pertunangan agar sesuatu perkahwinan itu diberkati Allah.
7. Suami hendaklah bertindak berdasarkan prinsip-prinsip kepimpinan dalam rumah tangga untuk mengatasi masalah krisis yang dihadapinya atas dasar ia sebagai ketua keluarga.
8. Perkahwinan secara paksa hendaklah dijauhi, sekurang-kurangnya mintalah izin untuk mengahwinkan mereka.
9. Kedua-dua pihak hendaklah mengetahui hak dan tanggungjawab masing-masing agar tidak timbul kekeliruan mengenainya.

- 116
10. Penerangan mengenai SUKI Selangor hendaklah diluaskan kepada orang ramai terutama hal-hal yang bersangkutan dengan perceraihan, haq dan tanggungjawab mengenainya.
  11. Mengadakan rundingcara sebelum dan selepas perkawinan.  
Ini kerana walaupun kursus-kursus telah dijalankan tetapi ia tidak menyeluruh. Oleh itu kerjasama para imam kariah adalah penting untuk menjayakannya.
  12. Jawatankuasa Pendamai hendaklah dijalankan mengikut peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.
  13. Penambahan kakitangan seperti kerani khas bagi bahagian kebijikan wanita agar kerja-kerja berbentuk perkeranian tidak perlu dibebankan kepada Pegawai yang berkenaan supaya beliau dapat menumpukan kepada kerja-kerja kaunseling terhadap kes-kes yang diadukan.
  14. Institusi Hakam perlu diperkenalkan bagi penyelesaian masalah syiqaq .
  15. Seorang kaunselor lelaki perlu diadakan sebagaimana yang ada bagi wanita. Ia bertujuan untuk mempercepatkan penyelesaian bagi sesuatu kes.

Ini adalah beberapa saranan yang difikirkan perlu oleh penu bagi mengurangkan masalah perceraihan ini. Usaha dari semua pihak adalah perlu dalam hal ini bagi mendapatkan hasil yang positif.